

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1992/93

Oktober/November 1992

SBP 200 - Teori Pembangunan I

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

Kertas ini mengandungi **EMPAT** soalan dari Bahagian A dan **TIGA** soalan dari Bahagian B.

Anda diwajibkan menjawab **DUA** soalan dari Bahagian A dan **DUA** soalan dari Bahagian B. Setiap soalan membawa markah yang sama.

Pastikan jawapan bagi Bahagian A dan B ditulis dalam buku jawapan yang berasingan.

...2/-

Bahagian A

Jawab DUA daripada soalan-soalan berikut.

1. Pertumbuhan dan pengumpulan (accumulation) merupakan orientasi-orientasi utama ekonomi politik klasikal. Bincangkan dengan merujuk konsep pertumbuhan Smith ATAU Ricardo dan bandingkan secara kritikal dengan analisis ekonomi neoklasik yang menekankan permasalahan peruntukan (allocation) dan keseimbangan (equilibrium).

(100 Markah)

2. Bincangkan teori pembangunan Lewis dengan berpandukan aspek-aspek berikut:-

- [a] Definisi dan pernyataan masalah.
- [b] Andaian-andaian.
- [c] Ilustrasi geraf.
- [d] Penilaian dan kritikan.

(100 Markah)

3. Teori Pertumbuhan Tahapan Linear menyatakan bahawa proses pembangunan semua negara maju dan mundur mestilah melalui rangkaian tahap-tahap tertentu yang berturutan. Bincangkan secara kritis kemampuan pendekatan ini dalam menjelaskan masalah pembangunan/kemunduran negara-negara Dunia Ketiga.

(100 Markah)

4. Apa erti Pembangunan? Bincangkan ukuran-ukuran ekonomik dan objektif-objektif pembangunan konvensyenal.

Sejauhmanakah ukuran-ukuran dan objektif-objektif tersebut relevan kepada pengalaman pembangunan Dunia Ketiga. Apakah dimensi-dimensi lain yang diperlukan bagi mengukuhkan erti pembangunan?

(100 Markah)

...3/-

Bahagian B

Jawab **DUA** daripada soalan-soalan berikut.

1. Bincangkan penurunan kadar kematian dalam sejarah negara-negara Barat dan faktor-faktor yang menyumbangkan kepada penurunan tersebut. Sejauhmanakah negara-negara Dunia Ketiga telah melalui pengalaman yang sama? Berikan komen anda terhadap corak penyakit semasa di negara-negara mundur berbanding dengan corak yang terdapat di negara-negara perindustrian.

(100 Markah)

2. Bincangkan konsep "pembangunan berterusan". Apakah faktor-faktor yang mungkin menghadkan perkembangan ekonomi di dunia pada masa akan datang.

(100 Markah)

3. Bincangkan peranan kesihatan dan pendidikan dalam pembangunan sosio-ekonomi. Apakah impak pembangunan ke atas kesihatan masyarakat manusia?

(100 Markah)